

**D.R. 19/91**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 dan bagi memperluaskan Akta itu, sebagaimana dipinda, ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.  
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 1 Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "only to the States of West" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "throughout".  
Pindaan seksyen 1. Akta 404.
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—  
Pindaan seksyen 2.
  - (a) dengan memotong perkataan-perkataan "the States of West" dalam subseksyen (1); dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

'(2) In this section—

"racing club" means a racing club which is a member of the Malayan Racing Association or a successor thereof; and

"sweepstakes" means any sweepstake promoted on the result of a horse race.'

Perluasan  
Akta ke  
Sabah,  
Sarawak  
dan Labuan.

4. Akta ibu sebagaimana dipinda oleh seksyen 2 dan 3 adalah diperluaskan ke Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965, dan untuk memperluaskan penguatkuasaan Akta itu, sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 (2) Akta bagi memasukkan definasi "racing club". Tujuan pindaan ini ialah untuk memastikan bahawa semua perlumbaan kuda di negara ini adalah dijalankan oleh Kelab Lumba Kuda yang menjadi ahh Persatuan Lumba Kuda Malaya. Ini akan memastikan keseragaman dalam standard perlumbaan kuda.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1615.]